

Pengurusan Bilik Darjah Guru Baharu yang Mengikuti Program Pembangunan Guru Baharu (PPGB)

(Classroom Management of New Teachers that Participate in the New Teacher Development Program)

ANEY MARINDA MUHAMMAD AMIN & NORASMAH OTHMAN*

ABSTRAK

Pengurusan bilik darjah merupakan salah satu elemen utama Program Pembangunan Guru Baharu (PPGB) yang bertujuan membantu guru baharu menyediakan dan mengekalkan bilik darjah sebagai persekitaran yang berkesan untuk pengajaran dan pembelajaran. Namun, persediaan dalam mengurus bilik darjah yang tidak mencukupi serta kesukaran yang dihadapi dalam mengawal tingkah laku pelajar pada tahun pertama perkhidmatan memberi kesan terhadap amalan pengajaran guru baharu dan seterusnya pembelajaran pelajar. Justeru, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti tahap pengurusan bilik darjah guru baharu yang mengikuti PPGB serta perbezaannya berdasarkan tahap sekolah. Reka bentuk kajian tinjauan telah dipilih dan soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian. Data dianalisis secara kuantitatif untuk menentukan tahap pengurusan bilik darjah dari aspek persekitaran pembelajaran kondusif, hubungan dan kerjasama dengan pelajar, serta disiplin bilik darjah. Hasil kajian menunjukkan bahawa tahap pengurusan bilik darjah guru baharu dalam ketiga-tiga aspek tersebut adalah sangat tinggi. Selain itu, kajian mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap pengurusan bilik darjah guru baharu yang mengikuti PPGB berdasarkan tahap sekolah. Amalan pengurusan bilik darjah yang berkesan mampu meningkatkan disiplin pelajar dan menggalakkan penambahbaikan terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu, persediaan yang mencukupi di peringkat praperkhidmatan adalah penting bagi menyediakan pengetahuan dan peluang untuk guru baharu mengembangkan kemahiran mereka dalam pengurusan bilik darjah.

Kata kunci: Pengurusan bilik darjah, program pembangunan guru baharu, guru baharu, guru mentor, pentadbir sekolah

ABSTRACT

Classroom management is one of the key elements of the New Teacher Development Program (PPGB) aimed at helping new teachers prepare and maintain classrooms as an effective environment for teaching and learning. However, the provision of inadequate classroom management and the difficulty faced in controlling student behaviour during the first year of service affects the practice of new teacher in teaching and subsequently student learning. Thus, this study was conducted to identify the level of new teacher classroom management in PPGB and the difference based on school level. The survey design was selected, and the questionnaire was used as a research instrument. The data are quantitatively analyzed to determine the level of classroom management in terms of conducive learning environment, relationships and collaboration with students, as well as classroom discipline. The results show that the level of new teacher classroom management in these three aspects is very high. In addition, the study found that there was no significant difference in the level of classroom management of new teachers following PPGB based on school level. Effective classroom management practices can enhance student discipline and promote improvements in teaching and learning. Therefore, adequate preparation at the pre-service level is important to provide knowledge and opportunities for new teachers to develop their skills in classroom management.

Keywords: Classroom management, new teacher development program, new teachers, mentor teacher, school administrators

PENGENALAN

Kualiti pengalaman seorang guru pada tahun awal pengajaran adalah penting untuk membangun dan mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi semasa latihan perguruan serta membentuk sikap positif dalam kerjaya sebagai guru (Bezzina 2006). Namun,

persediaan guru baharu dalam mengharungi cabaran sebenar dunia pendidikan yang semakin berkembang dengan begitu pesat masih belum mencukupi (Caroline & Abdul 2014). Di Amerika Syarikat, kajian menunjukkan guru baharu merasakan mereka tidak cukup bersedia untuk menghadapi cabaran pada tahun pertama bertugas sebagai guru (Berry 2004). Latihan praperkhidmatan didapati tidak mencukupi

untuk menyediakan guru baharu dengan pengetahuan dan kemahiran yang lengkap (Ingersoll 2016) dan seterusnya menyukarkan mereka untuk mengendalikan pelbagai situasi kompleks di bilik darjah termasuklah salah laku pelajar (McCarthy et al. 2015). Malah, masalah pengurusan bilik darjah khususnya disiplin pelajar merupakan salah satu sebab utama guru baharu meninggalkan profesion (Ingersoll & Smith 2003).

Guru baharu menghadapi pelbagai masalah pada peringkat awal perkhidmatan terutamanya dalam aspek pengurusan bilik darjah dan disiplin pelajar, hubungan dan interaksi dengan warga sekolah, dan masalah profesional seperti tahap pengajaran dan pembelajaran serta sokongan pihak sekolah (Achinstein & Barret 2004). Hal ini memerlukan perhatian dan penilaian yang teliti oleh pelbagai pihak agar penambahbaikan dapat dilaksanakan dalam usaha meningkatkan kompetensi profesional guru baharu khususnya melalui program induksi. Secara umumnya, program induksi adalah program sokongan profesional yang dirancang untuk guru baharu melalui aktiviti seperti orientasi, pemantauan di bilik darjah dan perbincangan dalam kalangan rakan sejawat (MDESE 2015). Matlamat utama program induksi adalah meningkatkan prestasi guru, mengekalkan guru yang kompeten dalam profesion, menggalakkan pembangunan profesionalisme dan sahsiah guru baharu, membina asas untuk perkembangan profesionalisme yang berterusan melalui bimbingan berstruktur oleh mentor dan sokongan oleh pentadbir dan rakan sejawat lain, serta memindahkan budaya sekolah ke dalam profesion keguruan (NWTECE 2011). Oleh itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memperkenalkan program induksi yang dikenali sebagai Program Pembangunan Guru Baharu (PPGB) untuk membantu guru baharu mengadaptasi dengan profesion. Guru baharu menjalankan program ini dalam tempoh satu hingga tiga tahun dengan bimbingan berstruktur daripada guru mentor yang dilantik oleh pihak sekolah.

Penguasaan dalam aspek pengurusan bilik darjah merupakan masalah paling sukar dihadapi oleh guru baharu walaupun teknik dan teori yang dipelajari semasa mengikuti latihan perguruan telah diaplikasikan (Mohd Hasani 2010). Kelemahan guru dalam menyediakan persekitaran bilik darjah yang kondusif terutamanya dari aspek mengurus pelajar, kemudahan fizikal dan aktiviti dapat mengganggu proses pembelajaran pelajar (Mok 2009). Kajian mendapati bahawa guru baharu menghadapi pelbagai masalah terutamanya dalam mengawal pelajar yang terlalu agresif, tidak menghormati guru dan bilangan pelajar yang terlalu ramai dalam sesebuah kelas (Rosli & Wan Hasmah 2007; Norasmah et al. 2006). Masalah pengurusan bilik darjah yang dihadapi oleh guru baharu menyebabkan timbulnya rasa kurang yakin, kurang cekap dan kurang mampu untuk menyediakan pendidikan berkualiti apabila sebahagian besar masa pengajaran dan pembelajaran digunakan untuk menguruskan masalah tingkah laku pelajar (Burkmana 2012; Chee 2008; Rosli & Wan Hasmah 2007). Jika guru baharu tidak dapat mengaplikasikan semua asas pengurusan

bilik darjah dengan baik, maka kewibawaan guru baharu jelas masih diragui. Hal ini sudah tentulah menimbulkan tanda tanya terhadap tahap dan kualiti pembelajaran guru baharu sepanjang pelaksanaan PPGB.

Kajian ini adalah penting untuk memberi maklumat kepada pentadbir sekolah terutamanya dari aspek persekitaran pembelajaran yang kondusif, hubungan dan kerjasama antara guru baharu dengan pelajar, dan disiplin bilik darjah agar penambahbaikan dapat dilaksanakan. Di samping itu, guru baharu dapat mengenal pasti tahap pembelajaran mereka dari aspek pengurusan bilik darjah setelah mengikuti PPGB. Maklumat ini dapat membantu guru baharu merancang jenis dan kaedah latihan yang diperlukan untuk meningkatkan kualiti pengajaran serta kompetensi profesional mereka secara berterusan sepanjang tempoh perkhidmatan.


Berdasarkan masalah dan cabaran yang telah dijelaskan dalam pelaksanaan program induksi ini, kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti tahap pengurusan bilik darjah guru baharu yang mengikuti PPGB. Sebagai tambahan, kajian ini juga dilaksanakan untuk menguji perbezaan tahap pengurusan bilik darjah berdasarkan tahap sekolah. Secara khususnya, dua persoalan utama kajian ini ialah (1) Apakah tahap pengurusan bilik darjah guru baharu yang mengikuti PPGB? dan (2) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan dari segi tahap pengurusan bilik darjah guru baharu yang mengikuti PPGB berdasarkan tahap sekolah? Persoalan kajian kedua melibatkan ujian-t, maka hipotesis telah dibina, iaitu H_0 : tidak terdapat perbezaan min yang signifikan dari segi pengurusan bilik darjah guru baharu yang mengikuti PPGB antara sekolah rendah dan sekolah menengah.

PENGURUSAN BILIK DARJAH

Konsep bilik darjah terdiri daripada dua perspektif utama iaitu sebagai tempat berlakunya proses pengajaran dan pembelajaran, dan sebagai satu sistem ekologi di mana wujudnya interaksi antara ekologi peribadi dengan ekologi bilik darjah (Choong 2009). Berdasarkan perspektif ekologi, bilik darjah merupakan persekitaran yang terdiri daripada sekumpulan pelajar dan guru yang terlibat dalam aktiviti berbentuk pendidikan untuk mencapai keberhasilan pelajar (Doyle 1986). Oleh yang demikian, kemahiran pengurusan bilik darjah khususnya dalam kalangan guru baharu adalah sangat penting bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran berjalan dengan lancar dan berkesan.

Konsep pengurusan bilik darjah merangkumi kaedah dan strategi yang digunakan oleh guru selaku pengurus bilik darjah untuk mengangani masalah pengawasan, kemudahan fizikal, suasana pembelajaran yang kondusif, serta pengurusan disiplin dan tingkah laku pelajar (Solarte 2011). Menurut James dan Nolan (2007), masalah disiplin wujud apabila berlakunya gangguan secara psikologi atau fizikal semasa sesi pengajaran dan pembelajaran dijalankan dalam bilik darjah. Bagi mengatasi masalah tersebut, guru

perlu kompeten dalam mempengaruhi tingkah laku pelajar untuk memaksimumkan masa yang digunakan untuk pembelajaran. Menyedari wujudnya hubungan antara penyampaian ilmu dan pengurusan bilik darjah terhadap pencapaian akademik pelajar seperti dalam Rajah 1, James (2014) berpandangan bahawa pemberatan yang diberikan oleh guru dalam kedua-dua dimensi tersebut haruslah sama. Stalling (2007) dalam James (2014) menjelaskan pengajaran berkesan mengandungi pembahagian masa iaitu 15 peratus untuk pengelolaan bilik darjah, 50 peratus untuk penyampaian ilmu, dan 35 peratus untuk pengawasan dan penyeliaan kerja pelajar.



Sumber: James 2014

RAJAH 1. Hubungan dimensi penyampaian dan pengurusan bilik darjah terhadap pencapaian akademik pelajar

Pengurusan bilik darjah dalam kajian ini merujuk kepada gabungan tiga komponen utama yang dikemukakan oleh Froyen dan Iverson (1999) dalam Carr (2013) iaitu pengurusan kandungan, pengurusan tingkah laku, dan pengurusan hubungan. Pengurusan kandungan merupakan tindakan yang diambil oleh guru apabila menguruskan ruang, bahan, peralatan, pergerakan pelajar, dan pengajaran dalam bilik darjah. Namun begitu, pelaksanaan dan penyampaian kandungan yang efektif ditentukan oleh tindakan guru dalam menguruskan kelakuan pelajar di bilik darjah. Komponen kedua iaitu pengurusan tingkah laku merujuk kepada kemahiran mengurus mengikut prosedur yang digunakan oleh guru dalam menangani masalah disiplin pelajar di bilik darjah. Keseimbangan yang wujud antara komponen pengurusan kandungan dan komponen tingkah laku tersebut telah menghubungkan kepada komponen ketiga iaitu pengurusan hubungan. Froyen dan Iverson (1999) turut menjelaskan bahawa pengurusan hubungan merupakan satu sistem sosial yang perlu dipertimbangkan oleh guru semasa menguruskan hubungan interpersonal dalam bilik darjah. Oleh itu, pengurusan hubungan juga merupakan salah satu daripada pendekatan ekologi yang menyumbang kepada iklim bilik darjah (Carr 2013).

Kajian Wolff et al. (2014) telah dijalankan untuk mengetahui perbezaan pengurusan bilik darjah antara guru baharu dengan guru berpengalaman berdasarkan empat aspek iaitu pembelajaran pelajar, disiplin pelajar, interaksi guru dan pengaruh guru terhadap pelajar. Hasil kajian mendapati bahawa guru baharu lebih cenderung kepada menguruskan disiplin dan tingkah laku pelajar berbanding memberi tumpuan terhadap pedagogi dan pembelajaran pelajar di bilik darjah. Pengkaji berpendapat bahawa guru berpengalaman dan guru mentor seharusnya membimbing guru baharu dalam mengenali dan memahami hubungan

dasar antara pengurusan yang berkesan dan pembelajaran yang berkesan.

PROGRAM PEMBANGUNAN GURU BAHARU


PPGB merupakan program latihan berasaskan sekolah yang dijalankan oleh guru baharu iaitu guru yang telah dilantik sebagai Pegawai Perkhidmatan Pendidikan setelah menjalani latihan keguruan dan pertama kali berkhidmat di sekolah di bawah KPM (BPG 2015). Objektif utama program ini ialah untuk membantu guru baharu (1) mengadaptasi diri dengan persekitaran, komuniti dan budaya sekolah, (2) meningkatkan potensi diri melalui amalan sikap positif dan peningkatan penguasaan kemahiran dalam pengajaran dan pembelajaran, dan (3) membangun kompetensi profesionalisme keguruan bagi memenuhi keperluan pendidikan abad ke-21 (BPG 2015). Guru baharu perlu menjalani PPGB dalam tempoh satu hingga tiga tahun dengan bimbingan berstruktur daripada guru mentor yang dilantik oleh pihak sekolah. Program pementoran memainkan peranan penting dalam membantu guru baharu mengharungi cabaran dan kesukaran dari aspek penyesuaian kepada sistem pendidikan, isu berkaitan pedagogi, interaksi dengan pelajar dan pembangunan identiti profesional (Fairstein 2016).

Selain pementoran, guru baharu menjalankan PPGB melalui interaksi, tunjuk ajar dan bekerja bersama dengan pihak pentadbir serta rakan sekerja di sekolah. Kaedah ini membantu proses sosialisasi guru baharu terutamanya dalam aspek penyesuaian diri dengan pentadbir dan rakan sekerja serta mempelajari peranan guru khususnya bagi tugas-tugas bukan mengajar (Rosli & Wan Hasmah 2007). Pengalaman yang diperolehi semasa menjalani latihan mengajar atau praktikum tidak mencukupi untuk menyediakan guru baharu dari segi pengurusan kurikulum, pelajar, bilik darjah dan program khas sekolah (Nagalingam et al. 2007; Chee 2008). Oleh yang demikian, sokongan pihak pentadbir dan guru di sekolah adalah penting untuk membantu guru baharu menyesuaikan diri dengan lebih cepat serta meningkatkan keyakinan mereka dalam menjalankan tugas tersebut.

PPGB turut menggalakkan guru baharu menggunakan inisiatif sendiri selaras dengan hasrat pembangunan profesionalisme berterusan dalam menguasai peranan, tugas dan tanggungjawab sebagai pendidik. Kaedah inisiatif sendiri terbahagi kepada dua iaitu secara individu dan berasaskan sekolah. Antara aktiviti yang dicadangkan dalam inisiatif ini ialah seperti menjalankan penyelidikan dalam bentuk penyelidikan tindakan, penulisan dan pengkaryaan, Komuniti Pembelajaran Profesional (PLC), *coaching and mentoring*, serta kursus yang dijalankan secara dalam talian. Sehingga kini, amalan inisiatif sendiri dalam kalangan guru di sekolah berada pada tahap 16 peratus dan kaedah ini dicadangkan agar dilaksanakan dalam usaha untuk mencapai sasaran KPM iaitu peningkatan sehingga 60 peratus menjelang tahun 2025 (KPM 2014).

Kajian ini memberi fokus kepada tahap pengurusan bilik darjah guru baharu yang mengikuti PPGB khususnya

dari aspek persekitaran pembelajaran yang kondusif, hubungan dan kerjasama antara guru baharu dengan pelajar, dan disiplin bilik darjah. Selain itu, kajian dijalankan untuk melihat perbezaan di antara tahap pengurusan bilik darjah bagi guru baharu yang ditempatkan di sekolah rendah dan sekolah menengah. Kerangka konseptual kajian ini ditunjukkan dalam Rajah 2.



RAJAH 2. Kerangka konseptual kajian

METODOLOGI

Kajian ini dijalankan secara kuantitatif dengan menggunakan kaedah tinjauan untuk menjawab objektif dan persoalan kajian. Pemilihan sampel dibuat menggunakan teknik persampelan rawak secara berstrata mengikut tahap sekolah iaitu sekolah rendah dan sekolah menengah. Responden kajian seramai 289 orang adalah melebihi bilangan minimum 270 sampel berdasarkan jadual penentuan saiz sampel oleh Bartlett et al. (2001) dan sekurang-kurangnya 266 sampel berdasarkan formula yang dikemukakan oleh Cochran (1977).

Data kajian diperolehi dengan menggunakan soal selidik yang terdiri daripada 12 item untuk mengukur komponen pengurusan bilik darjah dari aspek persekitaran pembelajaran yang kondusif, hubungan dan kerjasama antara guru dengan pelajar dan pelajar dengan pelajar dalam bilik darjah, serta mengurus disiplin dalam bilik darjah. Item tersebut diadaptasi daripada dokumen Standard Guru Malaysia (SGM). Skala Likert lima-mata digunakan dalam instrumen dengan julat daripada 1 (Sangat Tidak Setuju) hingga 5 (Sangat Setuju). Kesahan item ditentukan dengan menggunakan nilai korelasi antara skor item dengan jumlah skor, dan nilai korelasi item yang diperbetulkan dengan jumlah skor. Nilai korelasi bagi semua item yang diperolehi adalah antara 0.697 hingga 0.893. Nilai korelasi yang melebihi 0.4 menunjukkan item tersebut diterima dan mempunyai kesahan yang tinggi (Pallant 2011). Manakala nilai Cronbach Alpha digunakan untuk menentukan kebolehpercayaan item bagi keseluruhan aspek pengurusan bilik darjah adalah tinggi iaitu 0.942.

Penganalisan data kajian dijalankan secara deskriptif dan inferensi dengan menggunakan program SPSS versi 24.0. Statistik deskriptif digunakan untuk menjawab soalan

pertama kajian iaitu mengenal pasti tahap pengurusan bilik darjah bagi guru baharu dalam pelaksanaan PPGB. Interpretasi skor min yang digunakan untuk menentukan tahap pengurusan bilik darjah dibahagikan kepada lima iaitu 'sangat rendah' (min = 1.0-1.8), 'rendah' (min = 1.9-2.6), 'sederhana' (min = 2.7-3.4), 'tinggi' (min = 3.5-4.2), dan 'sangat tinggi' (min = 4.3-5.0) (Bahagian Perancangan & Penyelidikan Dasar Pendidikan 2006). Manakala, statistik inferensi melibatkan ujian-t tidak bersandar bagi menjawab soalan kedua kajian iaitu mengenal pasti perbezaan tahap pengurusan bilik darjah guru baharu yang mengikuti PPGB antara sekolah rendah dan sekolah menengah.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

DEMOGRAFI RESPONDEN

Populasi kajian ini terdiri daripada guru baharu yang ditempatkan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) pada tahun 2015 iaitu seramai 863 orang (Jabatan Pendidikan WPKL 2018). Demografi responden adalah seperti dalam Jadual 1.

JADUAL 1. Demografi responden

Profil	Kumpulan	Frekuensi	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	98	33.9
	Perempuan	191	66.1
Tahap sekolah	Rendah	147	50.9
	Menengah	142	49.1

Secara keseluruhannya, jumlah responden yang terlibat ialah 289 orang; guru lelaki terdiri daripada 98 orang (33.9%), manakala guru perempuan ialah seramai 191 orang (66.1%). Selain itu, 147 responden (50.9%) merupakan guru yang ditempatkan di sekolah rendah dan 142 orang guru (49.1%) ditempatkan di sekolah menengah.

TAHAP PENGURUSAN BILIK DARJAH DALAM PPGB

Pengurusan bilik darjah dalam PPGB dilihat dalam tiga aspek iaitu persekitaran pembelajaran yang kondusif, hubungan dan kerjasama antara guru baharu dengan pelajar, dan disiplin bilik darjah. Analisis skor min dan sisihan piawai mengikut subkonstruk ditunjukkan dalam Jadual 2.

Pembelajaran guru baharu yang mengikuti PPGB bagi aspek pengurusan bilik darjah secara umumnya berada pada tahap sangat tinggi. Dapatan ini menunjukkan bahawa guru baharu berjaya menyediakan persekitaran pembelajaran yang kondusif, membina hubungan dan kerjasama antara guru dengan pelajar dalam bilik darjah, dan mengawal disiplin bilik darjah. Bagi aspek persekitaran pembelajaran kondusif, keutamaan diberikan kepada

JADUAL 2. Skor min, sisihan piawai dan tahap pengurusan bilik darjah

Konstruk	Subkonstruk	Skor Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
Pengurusan Bilik Darjah	Persekitaran pembelajaran yang kondusif	4.487	0.426	Sangat Tinggi
	Hubungan dan kerjasama antara guru baharu dengan pelajar	4.554	0.447	Sangat Tinggi
	Disiplin bilik darjah	4.447	0.437	Sangat Tinggi
	Keseluruhan	4.342	0.318	Sangat Tinggi

elemen susun atur tempat duduk pelajar, mewujudkan suasana yang ceria dan persekitaran yang bersih di bilik darjah. Hal ini bermakna guru baharu dapat menyediakan persekitaran pembelajaran yang selesa untuk menarik minat, menggalakkan penglibatan aktif serta membina hubungan baik dengan pelajar agar pembelajaran berjalan dengan lancar dan berkesan. Selari dengan pandangan Bucholz dan Sheffler (2009), persekitaran pembelajaran yang selesa dapat meningkatkan keberkesanan terhadap pembelajaran pelajar. Tambahan lagi, Bennett (2001) menegaskan bahawa kualiti pendidikan dinilai bukan sahaja dalam aspek mata pelajaran diajar dan tahap pencapaian pelajar tetapi juga berdasarkan persekitaran pembelajaran yang diwujudkan kepada pelajar.

Aspek hubungan dan kerjasama antara guru baharu dengan pelajar juga berada pada tahap sangat tinggi. Ini menunjukkan bahawa wujudnya hubungan yang sangat baik antara guru baharu dengan pelajar dan pelajar dengan pelajar melalui interaksi yang positif dan sikap mengambil berat tentang kesukaran yang dihadapi oleh pelajar. Hal ini menyokong dapatan kajian Kopershoek et al. (2014) iaitu pengurusan bilik darjah yang berkesan merangkumi pendekatan yang digunakan oleh guru untuk mengukuhkan kerjasama dan mengoptimumkan hubungan antara guru dan pelajar. Perkara ini juga selaras dengan konsep umum pengurusan sosial yang dikemukakan oleh Martin (2004) dalam kajian beliau tentang impak pengurusan bilik darjah terhadap amalan pembangunan keguruan guru baharu. Selain itu, interaksi guru baharu dengan pelajar dengan cara saling menghormati, kepentingan mewujudkan hubungan yang baik dengan pelajar, dan kepentingan menggalakkan kepelbagaian kebolehan pelajar merupakan aspek utama dalam membina hubungan baik dengan pelajar. Malah,

pengetahuan guru baharu yang luas mengenai latar belakang, minat, kekuatan dan kelemahan pelajar dapat memupuk hubungan dan kerjasama yang sangat baik dengan pelajar.

Bagi aspek disiplin bilik darjah, guru baharu didapati mampu mengawal disiplin bilik darjah dengan baik dengan menetapkan peraturan bilik darjah berdasarkan peraturan sekolah. Pematuhan pelajar terhadap peraturan tersebut membolehkan guru baharu mengawal tingkah laku negatif pelajar agar pengajaran dan pembelajaran dapat dijalankan dengan lancar dalam tempoh yang diperuntukkan. Selari dengan pandangan Lopes dan Oliveira (2017), guru yang berkesan kurang mempunyai masalah disiplin kerana mereka dapat menetapkan peraturan bilik darjah dengan baik bertujuan untuk memaksimumkan waktu pengajaran dan pembelajaran. Namun begitu, dapatan ini bertentangan dengan kajian oleh Tang et al. (2014) yang mendapati bahawa guru baharu mempunyai masalah kritikal khusus dalam mengendalikan disiplin pelajar daripada kelas yang lemah. Walau bagaimanapun, sokongan dan bantuan yang diperolehi daripada rakan sekerja dan pentadbir sekolah melalui perbincangan dan perkongsian idea merupakan strategi yang berkesan dalam membantu guru baharu mengurus bilik darjah dan seterusnya dalam pengajaran mereka (Tang et al. 2014).

PERBEZAAN PENGURUSAN BILIK DARJAH BERDASARKAN TAHAP SEKOLAH

Bagi menguji perbezaan dalam pengurusan bilik darjah guru baharu yang mengikuti PPGB antara sekolah rendah dan sekolah menengah, ujian-t telah dijalankan untuk menguji hipotesis nol.

JADUAL 3. Analisis ujian-t perbezaan pengurusan bilik darjah berdasarkan tahap sekolah

Kumpulan	n	Min	s.p.	F	t	df	Sig.
Sekolah Rendah	147	4.520	0.354	8.223	1.085*	277.574	0.279
Sekolah Menengah	142	4.471	0.411				

*signifikan pada aras .05

Hasil analisis adalah seperti dalam Jadual 3. Nilai tersebut menunjukkan bahawa hipotesis nol adalah ditolak. Ini bermakna tahap pembelajaran guru baharu dalam PPGB dari aspek pengurusan bilik darjah adalah hampir sama bagi guru baharu yang ditempatkan di sekolah rendah dan di sekolah menengah.

Kajian ini juga mendapati bahawa tahap pembelajaran guru baharu yang mengikuti PPGB dalam kalangan guru baharu di sekolah rendah dan sekolah menengah adalah sama iaitu pada tahap sangat tinggi. Ini bermakna guru baharu dapat mengaplikasikan pembelajaran dalam aspek pengurusan bilik darjah dalam menjalankan tugas dengan

lebih berkesan sama ada di sekolah rendah mahupun sekolah menengah. Hal ini berikutan guru baharu mendapat pendidikan yang baik dalam ketiga-tiga aspek tersebut semasa mengikuti latihan perguruan di Institut Pendidikan Guru dan institusi pengajian tinggi.

Tugas utama institusi perguruan ialah merancang dengan teliti program pendidikan guru untuk melahirkan bakal guru yang berkualiti dalam memenuhi keperluan negara (Maili 2004). Selain itu, bimbingan dan sokongan daripada guru mentor, guru berpengalaman, rakan sekerja dan pentadbir sekolah melalui aktiviti pementoran dalam PPGB membantu guru baharu melaksanakan tugas dengan lebih berkesan serta meningkatkan pembangunan profesionalisme mereka secara berterusan. Situasi ini selari dengan matlamat utama program induksi iaitu meningkatkan prestasi, mengekalkan guru yang kompeten dalam profesion, menggalakkan pembangunan profesionalisme dan sahsiah, serta membina asas untuk perkembangan profesionalisme yang berterusan (NWTECE 2011).

IMPLIKASI DAN KESIMPULAN

Pengurusan bilik darjah adalah tugas besar yang tidak boleh diabaikan oleh guru khususnya dalam kalangan guru baharu. Kelemahan dalam pengurusan bilik darjah dapat mempengaruhi bukan sahaja pembelajaran pelajar, malah menyebabkan guru baharu mengalami tekanan dan seterusnya meninggalkan profesion (Borden 2013). Kajian ini mendapati bahawa tahap pengurusan bilik darjah guru baharu adalah sangat baik dalam ketiga-tiga aspek iaitu menyediakan persekitaran pembelajaran yang kondusif, membina hubungan dan kerjasama dengan pelajar, dan mengawal disiplin bilik darjah setelah mengikuti PPGB. Pendekatan yang berkesan dalam mengurus bilik darjah dapat mewujudkan persekitaran yang menyokong tingkah laku pelajar serta mengurangkan tekanan terhadap guru (Smith & Smith 2006). Selain itu, amalan pengurusan bilik darjah yang berkesan mampu meningkatkan disiplin pelajar dan menggalakkan penambahbaikan terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (Oliver et al. 2011). Oleh itu, persediaan yang mencukupi di peringkat praperkhidmatan adalah penting bagi menyediakan pengetahuan dan peluang untuk guru baharu mengembangkan kemahiran mereka dalam pengurusan bilik darjah (Oliver & Reschly 2007).

Pembangunan profesionalisme berterusan dalam pengurusan bilik darjah adalah penting bagi guru baharu. Oleh itu, pentadbir sekolah perlu memberi sokongan dalam aspek pembangunan profesionalisme guru baharu dengan mengadakan latihan dalam perkhidmatan serta menggalakkan penglibatan mereka dalam pembelajaran sendiri bagi memantapkan kemahiran pengurusan tingkah laku dan organisasi bilik darjah. Di samping itu, sokongan guru mentor dan rakan sekerja dalam aspek pengurusan bilik darjah perlu ditingkatkan melalui aktiviti pementoran dan sesi perkongsian ilmu sepanjang tempoh

PPGB dijalankan. Selain itu, pihak institusi perguruan perlu memberi penekanan dalam menyediakan bakal guru yang kompeten dan efektif dalam aspek pengurusan bilik darjah pada masa kini berdasarkan kepelbagaian tingkah laku pelajar. Pendekatan ini bukan sahaja dapat meningkatkan kefahaman bakal guru tentang isu yang terlibat tetapi juga memberi peluang kepada mereka menggunakan pelbagai strategi dalam menguruskan bilik darjah dengan berkesan.

Secara keseluruhannya, kajian ini memberi implikasi bahawa guru baharu yang mengikuti PPGB berjaya mengurus bilik darjah dengan baik. Perkara ini juga selaras dengan Standard 3 dalam dokumen Standard Guru Malaysia iaitu kemahiran mengurus bilik darjah perlu melibatkan pengurusan hubungan kemanusiaan, masa, ruang, dan sumber untuk mencapai pembelajaran yang bermakna dan berkesan. Di samping itu, kerjasama dan komitmen semua pihak yang terlibat dalam menyediakan pelbagai bentuk sokongan dan bimbingan bagi aspek pengurusan bilik darjah dapat membantu guru baharu melaksanakan tugas dengan lebih berkesan dan memastikan matlamat PPGB berjaya dicapai.

RUJUKAN

- Achinstein, B. & Barrett, A. 2004. How new teachers and mentors view diverse learners and challenges of practice. *Teacher College Record* 106(4): 716-746.
- Bahagian Pendidikan Guru. 2015. *Panduan Pelaksanaan Program Pembangunan Guru Baharu (PPGB) 2015*. Putrajaya: Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan. 2006. *Laporan Kajian Penilaian Graduan NPQH*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Bartlett, J.E., Kotrlík, J.W. & Higgins, C.C. 2001. Organizational research: Determining appropriate sample size in survey research. *Learning and Performance Journal* 19: 43-50.
- Bennett, J. 2001. The relationship between classroom climate and student achievement. Tesis Dr. Fal, University of North Texas.
- Berry, J.R. 2009. The novice teacher's experience in sensemaking and socialization in urban secondary schools. Tesis Dr. Fal, Texas A&M University.
- Bezzina, C. 2006. Views from the trenches: Beginning teachers' perceptions about their professional development. *Journal of In-Service Education* 32(4): 411-430.
- Borden, D. 2013. *Classroom Management: Research for Beginning Teachers*. http://archives.evergreen.edu/masterstheses/Accession8910MIT/Borden_MIT2013.pdf.
- Bucholz, J.L. & Sheffler, J.L. 2009. Creating a warm and inclusive classroom environment: Planning for all children to feel welcome. *Electronic Journal for Inclusive Education* 2(4): 1-14.
- Burkmana, A. 2012. Preparing novice teachers for success in elementary classrooms through professional development. *Delta Kappa Gamma Bulletin* 3(2): 23-34.
- Caroline@Lorena David & Abdul Said Ambotang. 2014. Profesionalisme guru novis dalam pengurusan, kesediaan mengajar dan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT)

- terhadap pelaksanaan pengajaran di sekolah. *Seminar Kebangsaan Integriti Keluarga, Universiti Malaysia Sabah*.
- Carr, D. 2013. The effects of teacher preparation programs on novice teachers regarding classroom management, academic preparation, time management and self-efficacy. Tesis Dr. Fal, Liberty University.
- Chee Kim Mang. 2008. Kualiti guru permulaan sebuah institusi perguruan: Satu tinjauan dari perspektif pentadbir sekolah. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan* 23: 49-67.
- Choong Lean Keow. 2009. *Pengurusan Bilik Darjah dan Tingkah Laku untuk Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Cochran, W.G. 1977. *Sampling Techniques*. 3rd edition. New York: John Wiley & Sons.
- Doyle, W. 1986. Classroom organization and management. Dlm *Handbook of Research on Teaching*, disunting oleh M. Wittrock. 3rd Edition. New York: Macmillan.
- Fairstein, E. 2016. Developing novice teacher's professional identity through mentoring. Tesis Dr. Fal, "Ion Creanga" State Pedagogical University.
- Ingersoll, R.M. 2016. Beginning teacher induction: What the data tell us. *Education Week*. http://www.edweek.org/ew/articles/2012/05/16kappan_ingersoll.h31.html.
- Ingersoll, R. & Smith, T. 2003. The wrong solution to the teacher shortage. *Educational Leadership* 60(8): 30-33.
- Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. 2018. *Data Guru Baharu Lantikan Tahun 2015 di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur*. Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- James Ang Jit Eng. 2014. *Pengurusan Bilik Darjah: Strategi-strategi Mewujudkan Komuniti Pembelajaran Berkesan*. Selangor: PTS Akademia.
- James, L. & Nolan, J.F. 2007. *Principles of Classroom Management: A Professional Decision-making Model*. 5th Edition. USA: Pearson.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2014. *Pelan Pembangunan Profesionalisme Berterusan (Guru dan Pemimpin Sekolah) Kementerian Pendidikan Malaysia*. Edisi 2014. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Korpershoek, H., Harms, T., de Boer, H., van Kuijk, M. & Doolaard, S. 2014. *Effective Classroom Management Strategies and Classroom Management Programs for Educational Practice: A Meta-analysis of the Effects of Classroom Management Strategies and Classroom Management Programs on Students' Academic, Behavioural, Emotional, and Motivational Outcomes*. Groningen: RUG/GION.
- Lopes, J. & Oliveira, C. 2017. Classroom discipline: Theory and practice. Dlm. *Classrooms: Academic Content and Behavior Strategy Instruction for Students with and without Disabilities*, disunting oleh Bakken, J.P. New York: Nova Science Publishers.
- Maili Lamsin. 2004. Sejarah maktab perguruan di Sabah: 1952-1996. Tesis Sarjana, Universiti Malaysia Sabah.
- Martin, S.D. 2004. *Teaching and Teacher Education* 20: 405-422.
- Massachusetts Department of Elementary and Secondary Education (MDESE). 2015. *Guidelines for Induction & Mentoring Programs, Providing Comprehensive Supports to Prepare and Retain Effective Educators and to Develop Leaders*. Malden, MA.
- McCarthy, C.J., Lambert, R.G., Lineback, S., Fitchett, P. & Baddouh, P.G. 2015. Assessing teacher appraisals and stress in the classroom: Review of the classroom appraisal of resources and demands. *Educational Psychology Review* 28: 577-603.
- Mohd Hasani Dali. 2010. *Pengurusan Bilik Darjah untuk Guru Novis*. Sintok, Kedah: Universiti Utara Malaysia.
- Mok Soon Sang. 2009. *Pengurusan Bilik Darjah dan Tingkah Laku*. Puchong, Selangor: Penerbit Multimedia Sdn. Bhd.
- Nagalingam Karuppiah, Zainab Hussin, Zahedah Abdul Hafiz, Ramachandran Vengrasalam, Koh Kok Hwee, Supramaniam Arjunan & Halim Hashim. 2007. Kompetensi guru permulaan lepasan universiti tempatan dan institut pendidikan guru: Satu tinjauan. *Seminar Penyelidikan Pendidikan Kebangsaan Ke-XIV*, 49-68.
- Norasmah Othman, Zamri Mahamod & Mohammed Sani Ibrahim. 2006. *Kesediaan Profesionalisme Guru Novis: Cadangan Model Latihan*. Bangi, Selangor: Faculty of Education, National University of Malaysia.
- Northwest Territories Education, Culture & Employment (NWTECE). 2011. *NWT Teacher Induction: A Program for Beginning Teachers*. 8th Edition. Education Culture and Employment, Government of the Northwest Territories.
- Oliver, R.M. & Reschly, D.J. 2007. *NCCTQ Connections Paper: Improving Outcomes in General and Special Education: Teacher Preparation and Professional Development in Effective Classroom Management*. Washington, DC: National Comprehensive Center for Teacher Quality.
- Pallant, J. 2007. *SPSS Survival Manual: A Step by Step Guide to Data Analysis using SPSS for Windows*. 3rd Edition. Open University Press.
- Rosli Yacob & Wan Hasmah Wan Mamat. 2007. Sosialisasi guru permulaan di sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan* 27(1): 135-147.
- Smith, D.L. & Smith, B.J. 2006. Perceptions of violence: The views of teachers who left urban schools. *The High School Journal* 89: 34-42.
- Solarte, A.C.S. 2011. *The Importance of Classroom Management for Novice Teachers*. University of Narino. <https://www.researchgate.net/publication/293485195>.
- Tang Keow Ngang, Chan Seow Hong & Apipalaku Chanya. 2014. *Procedia-Social and Behavioral Sciences* 116: 536-540.
- Wolff, C.E., Bogert, N.V.D., Jarodzka, H. & Boshuizen, P.A. 2014. Keeping an eye on learning: Differences between expert and novice teachers' representations of classroom management events. *Journal of Teacher Education*: 1-18.
- Aney Marinda Muhammad Amin
Fakulti Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia
Emel: aneyamin@gmail.com
- Norasmah Othman
Fakulti Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia
Emel: lin@ukm.edu.my
- *Pengarang untuk surat-menyurat, emel: lin@ukm.edu.my
- Diserahkan: 6 September 2018
Diterima: 29 Januari 2019
Diterbitkan: 31 Mei 2019

